



**ULASAN**  
**TEMA SAMBUTAN MA'AL HIJRAH**  
**TAHUN 1444H / 2022M**

**“KELUARGA MALAYSIA  
PEMANGKIN KEMAKMURAN”**



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

## **Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran**

Konsep 'Keluarga Malaysia' telah dianggap sebagai satu simbol kebersamaan yang inklusif dalam menghadapi krisis akibat pandemik COVID-19. 'Keluarga Malaysia' jelas menunjukkan kepentingan institusi keluarga dalam menghadapi situasi yang mencabar. Konsep 'Keluarga Malaysia' telah menggariskan tiga teras utama dan 20 pengkayaan nilai yang mendasari kerajaan untuk masyarakat bekerja secara bersama-sama dalam memulihkan negara daripada masalah dan kesan pandemik Covid-19.

Tiga teras utama yang digariskan iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran dijadikan sebagai nilai dalam konsep Keluarga Malaysia. Manakala antara pengkayaan nilai di bawah tiga teras ini adalah seperti berikut, Menyemai budaya integriti dalam keluarga; Menjadikan budaya amanah sebagai budaya keluarga; Menjadikan prinsip keadilan sebagai teras pengukuhan keluarga dan menjadikan amalan bermusyawarah sebagai amalan keluarga.

Bersandarkan konsep 'Keluarga Malaysia' ini, negara akan dipacu untuk keluar daripada krisis kesihatan dan ekonomi, seterusnya menjamin kesejahteraan setiap penduduk di negara bertuah ini. Konsep Keluarga Malaysia ini sesuai bagi mengajak seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan fahaman politik bersama berganding bahu membawa keluar negara ini daripada pandemik COVID-19. Konsep Keluarga Malaysia berpaksikan kepada keluhuran Perlembagaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam Rukun Negara. Kita diibaratkan saling melengkapi, umpama anggota tubuh yang saling memerlukan.

Ibarat sepohon pokok, akar Keluarga Malaysia bertunjangkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara manakala batang serta ranting menjulang kukuh nilai Keluarga Malaysia yang kemudiannya membuah hasil seperti daun, bunga dan buah yang subur dan inayahnya, memanfaatkan rakyat. Inilah metafora Keluarga Malaysia.

Usaha memulihkan negara ini akan tercapai dengan terus memupuk, menyemai dan mempertahankan ciri-ciri Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran yang kita miliki. Idea ini juga mengambil semangat institusi keluarga yang sentiasa berperanan memelihara agama, melindungi keselamatan, menjaga maruah dan memastikan nasib setiap ahli keluarga terbela.

Konsep Keluarga Malaysia ini sangat sinonim dengan konsep kekeluargaan dalam Islam. Bukan setakat ahli keluarga malah setiap komponen dalam rumah tangga tersebut sangat penting untuk dititikberatkan termasuklah jiran, sanak saudara serta sahabat handai. Membina jambatan keserasian antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak-anak, ahli keluarga dan persekitaran, semuanya harus tunduk kepada hukum alam tentang hubungan manusia.

Tiga rukun usrah yang seharusnya diterapkan dalam setiap keluarga di Malaysia boleh dijadikan panduan bagi melahirkan kemakmuran negara. *Taaruf* (saling mengenali), *tafahum* (saling memahami) dan *takaful* (saling membantu). Jika rukun usrah ini dipraktikkan oleh semua lapisan masyarakat merentasi ahli keluarga maka akan lahirlah sebuah negara yang berada di dalam rahmat Allah. *Baldatun toyyibatun wa robbul ghafur*.

Utusan Allah yang tidak pernah mensia-siakan kuasa cinta, pada menjinakkan umat kepada agama. Cinta dan tauhid menjadi satu, bekal teragung sepanjang zaman. Sunnahnya menjadikan kita hidup bercara. Sunnahnya menjadikan masalah dan cabaran hidup sebagai laluan menjadi dewasa. Sunnahnya mencegah lemah dan putus asa. Sunnahnya terungkap dalam tingkahlaku pengikutnya.

Peranan seorang bapa sangat penting dalam menjadikan setiap insan dalam rumah tangga merasai bahagia. Baginda telah bersabda yang bermaksud "*Sebaik-baik kamu adalah kamu yang terbaik kepada keluarganya. Dan aku adalah yang terbaik kepada keluargaku*". Jika setiap bapa di Malaysia menyahut seruan Baginda ini dan saling bekerjasama dan menguatkan antara satu sama lain dalam menjadikan diri yang terbaik terhadap ahli keluarga, maka dengan izin Allah masyarakat Malaysia akan berada dalam keadaan sejahtera harmoni, negara membangun dengan baik dari sudut ekonomi, kesihatan, kestabilan, pendidikan dan jenayah juga akan berkurangan.

Di samping menjaga hubungan sesama manusia, jangan dilupakan peri pentingnya menjaga hubungan dengan Pencipta. Dalam surah *Ali-Imran* ayat 112, Allah menegaskan bahawa manusia yang tidak menjaga hubungan baik dengan Allah (*habl min Allah*) dan hubungan baik dengan sesama manusia (*habl min nas*) nescaya akan ditimpa kehinaan dan kesempitan baik di dunia mahupun di akhirat.

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيَّنَ مَا تُخِمْوْا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ  
 وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا  
 يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقِّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا  
 وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٣﴾

*“Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintahNya), dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencerobohi (hukum-hukum Allah).”*

Kedua bentuk hubungan itu harus dijaga dengan baik dan seimbang. Menjaga hubungan baik kepada Allah dilakukan dengan cara menetapi segala perintah-Nya dan menjauhi semua larangan-Nya. Menjaga hubungan baik sesama manusia dilakukan dengan cara memelihara akhlak atau perilaku yang baik, sebagaimana yang ditegaskan dalam salah satu hadis Baginda SAW: *“Bertaqwalah kalian kepada Allah di mana pun kalian berada. Dan ikutilah perlakuan buruk dengan perbuatan baik yang akan menghapuskannya (perbuatan buruk), serta bergaullah sesama manusia dengan akhlak yang baik”*.

Prinsip-prinsip kehidupan sosial seharusnya kita pelihara dengan baik. Prinsip-prinsip itu meliputi hubungan antara peribadi, hubungan antara masyarakat dan hubungan antara pemimpin dengan rakyatnya.

Dalam tata kehidupan sosial, setiap orang harus mengetahui dan memahami hak dan kewajibannya masing-masing sehingga tidak ada orang yang merasa dirugikan atau dizalimi oleh orang lain. Salah satu kewajiban penting yang harus dilakukan oleh setiap muslim adalah menjaga rahsia dan aib orang lain. Sikap yang bersifat manusiawi itu sesungguhnya menggambarkan sikap kita terhadap Allah. Hidup dalam masyarakat, seharusnya kita saling bantu membantu dan saling cakna terhadap isu dan persekitaran supaya kita dapat menghulurkan bantuan. Ini adalah salah satu cara bagi melahirkan sebuah masyarakat yang makmur. Ibarat kata pepatah, cubit paha kiri paha kanan terasa juga.

Dari Abu Hurairah r.a menyatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: *“Barangsiapa melepaskan kesulitan hidup seorang mukmin di dunia, nescaya Allah akan melepaskan kesulitannya di hari kiamat. Barang siapa memudahkan urusan seorang mukmin, nescaya Allah akan memudahkan urusannya di dunia dan di akhirat. Barangsiapa menutup aib seorang muslim, nescaya Allah akan menutup aibnya di dunia dan di akhirat. Allah akan menolong seorang hamba selama ia mahu menolong saudaranya”.*

Salah satu aspek kehidupan yang sering kali menjadi penyebab rosaknya hubungan baik dengan orang lain adalah aspek ekonomi. Seringkali hubungan kita dengan seseorang menjadi rosak kerana urusan ekonomi atau upaya memenuhi keperluan material. Kerana itulah Islam mengajarkan kepada kita untuk menjaga kehormatan diri kita dengan cara bekerja dan berusaha untuk memenuhi keperluan diri dan keluarga. Rasulullah SAW memuji umat yang bekerja keras untuk memenuhi keperluannya dan mencela orang yang suka meminta-minta.

Islam juga mengajar kepedulian dan sikap saling tolong-menolong kepada sesama manusia. Orang yang bertaqwa adalah orang yang selalu mempedulikan orang lain dan menjaga kepekaan orang lain, sehingga dia tidak merasa selesa dan aman ketika menyaksikan orang lain sengsara atau menderita. Seorang muslim akan membantu saudaranya yang memerlukan meskipun orang tersebut tidak meminta atau tidak menunjukkan bahawa dirinya memerlukan. Di sinilah contoh nilai penting zakat dan sedekah yang diajarkan oleh Islam.

Dari Abu Kabsyah al-Akhari mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: *“Tiga perkara yang aku bersumpah untuknya adalah; tidak berkurang sedikitpun harta seorang hamba kerana sedekah; seorang hamba dizalimi dan dia bersabar atasnya, melainkan Allah akan menambah kemuliaan baginya; seorang hamba membuka pintu memintaminta, melainkan Allah membukakan untuknya pintu kefakiran”*

Sempena Sambutan Ma'al Hijrah tahun ini dengan tema “Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran” adalah sangat sinonim dengan apa yang Rasulullah SAW telah sabdakan. Makna hakiki hijrah yang dapat dan harus dijalani oleh setiap muslim iaitu hijrah dari segala bentuk kemaksiatan dan dosa. Baginda memerintahkan kaum muslimin untuk menjauhi sifat kedekut kerana orang yang dapat membentengi dirinya dari sifat kedekut termasuk orang yang beruntung. Selain itu masa depan kemakmuran sesebuah negara, sesungguhnya ditentukan oleh kehidupan yang bebas dari kemaksiatan dan kemungkar.

Nilai penting lain yang dipesan oleh Baginda Rasulullah SAW ialah kemaslahatan sosial. Keislaman seseorang ditentukan oleh kemampuannya menjaga perkataan dan perbuatan sehingga tidak

menyakiti atau merugikan orang lain. Sikap lain yang merosak hubungan sosial adalah sikap angkuh. Orang yang angkuh merasa dirinya lebih baik, lebih suci, lebih mulia dan lebih sempurna dibandingkan orang lain. Ia akan memandang rendah, bahkan melecehkan orang lain. Lebih jauh, dia juga beranggapan bahawa kekayaan, kemajuan, keberhasilan yang dicapainya merupakan hasil upaya dan perjuangan dirinya. Bahkan ketika memberi atau membantu orang lain, dia tidak memberinya dengan ikhlas atau tulus. Dia ingin menunjukkan bahawa dirinya adalah orang yang hebat dan diperlukan.

Dari Abdullah Ibnu Umar Ibnu Khattab menceritakan bahawa Rasulullah SAW berkhotbah, *“Jauhilah kezaliman kerana ia adalah kegelapan (yang berlipat) pada hari kiamat. Jauhilah kekejian dan perbuatan keji. Jauhilah sifat kedekut kerana ia telah membinasakan umat sebelum kalian, memerintahkan mereka untuk saling menumpahkan darah sampai mereka melakukannya, menyuruh mereka berbuat kedekut sehingga mereka melakukannya dan mengarah untuk berbuat zalim sampai mereka melakukannya”*.

*Seorang lelaki berdiri dan bertanya, “Islam bagaimanakah yang terbaik, wahai Rasulullah?” Jawab Baginda, “Ketika orang muslim lain selamat dari lisan (perkataan) dan tangan (perbuatanmu)”*

*Lelaki tadi bertanya lagi, “Hijrah apakah yang terbaik, wahai Rasulullah?” Jawab Baginda, “Meninggalkan apa yang dibenci Allah. Ada dua jenis hijrah, iaitu hijrah orang desa dan hijrah orang kota. Hijrah orang desa adalah memenuhi undangan bila diundang dan mentaati perintah apabila diperintah, sedangkan hijrah orang kota adalah hijrah yang paling berat godaannya dan paling besar pahalanya”*.

Jika kita menghayati dan memahami konsep hijrah itu secara tersurat mahupun tersirat pasti kita akan lebih menghargai masa bagi perubahan atau perhijrahan diri. Sebagai umat Islam, perubahan kepada sesuatu yang lebih baik bukanlah menunggu waktu tertentu malah sebaiknya adalah pada setiap masa. Justeru, perhijrahan diri perlu pada setiap masa secara berperingkat. Menjelangnya tahun yang baharu ini dapat membantu kita membuat perancangan yang lebih baik dan seharusnya perancangan yang baik ini tidak dilengahkan.

Marilah kita sama-sama merancang memperbaiki diri kita supaya menjadi lebih baik dan bermanfaat buat orang di sekeliling kita terutama ahli keluarga kita. Saling bekerjasama merealisasikan sebuah keluarga besar demi mencapai kemakmuran negara.

Disediakan oleh:

Yuhaniz binti Mohd Yusop  
Unit Pembangunan Keluarga  
Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti  
JAKIM